



# **GARIS PANDUAN**

## **PEMBERIAN PINJAMAN WANG DALAM TALIAN**

### ***(KREDIT KOMUNITI)***



**KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**ISI KANDUNGAN**  
**GARIS PANDUAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG DALAM TALIAN**  
**(KREDIT KOMUNITI)**

---

**BAHAGIAN I**

1. TUJUAN
2. TAFSIRAN
3. LATAR BELAKANG
4. UNDANG-UNDANG DAN AKTA BERKAITAN

**BAHAGIAN II**

5. PERATURAN TETAP OPERASI PERMOHONAN URUSNIAGA DALAM TALIAN
  - 5.1 Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian
  - 5.2 Keperluan Pentadbiran
  - 5.3 Keperluan Teknologi
  - 5.4 Kawalan Dan Penguatkuasaan

**BAHAGIAN III**

6. PELAKSANAAN
7. PEMAKAIAN
8. TARIKH KUAT KUASA

# GARIS PANDUAN PEMBERIAN PINJAMAN WANG DALAM TALIAN (KREDIT KOMUNITI)

---

## BAHAGIAN I

### 1. Tujuan

Garis Panduan Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pihak pemegang lesen Pemberi Pinjam Wang (PPW), peminjam, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pihak berkepentingan lain dalam urusan berkaitan dengan pemberian pinjaman wang dalam talian yang dilaksanakan di bawah kawalseliaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan Akta Setem 1949 [Akta 378], Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562], Akta Perdagangan Elektronik 2006 [Akta 658], Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 [Akta 680], dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].

### 2. Tafsiran

Dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki maksud yang lain:

“**alamat berdaftar**” ertinya alamat yang berdaftar dengan Pendaftar Pemberi Pinjam Wang iaitu:

- a) alamat berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dan
- b) alamat perniagaan (Alamat Elektronik).

“**alamat elektronik**” ertinya alamat URL dan alamat statik IP yang mempunyai alamat fizikal yang sama dengan alamat perniagaan yang didaftarkan dengan Pendaftar Pemberi Pinjam Wang;

“PPW” ertinya pemberi pinjam wang;

“perjanjian pemberian pinjaman wang” ertinya suatu perjanjian bertulis dibuat secara elektronik antara pemberi pinjam wang dan peminjam wang bagi pembayaran balik seluruh jumlah atau secara ansuran jumlah yang dipinjamkan oleh peminjam daripada pemberi pinjam wang; dan

“tanda tangan digital” mempunyai erti yang sama dengan **seksyen 2 Akta Tanda tangan Digital 1997 [Akta 562]** iaitu penjelmaan sesuatu mesej dengan menggunakan suatu sistem kriptografi tidak simetri dengan sedemikian yang seseorang yang mempunyai mesej awal itu dan kunci awam penandatanganan boleh menentukan dengan tepat:

- a) sama ada penjelmaan itu telah dihasilkan dengan menggunakan kunci persendirian yang berpadanan dengan kunci awam penandatanganan itu; dan
- b) sama ada mesej itu telah diubah sejak penjelmaan itu dibuat.

### 3. Latar Belakang

3.1. Industri Pemberi Pinjam Wang mula berkembang di Tanah Melayu sejak kerajaan British memperkenalkan *Moneylenders Bill 1951* atau yang dikenali sekarang sebagai Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400] yang masih berkuatkuasa sehingga kini. Perkembangan industri PPW ini dapat dilihat melalui bilangan lesen yang dikeluarkan oleh Pendaftaran Pemberi Pinjam Wang melalui Bahagian Kawalan Kredit Komuniti (BKKK), KPKT saban tahun.

3.2. Salah satu faktor utama pertambahan pemegang lesen PPW ini adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi di pasaran sama ada oleh orang awam mahupun di kalangan sektor korporat bagi mendapatkan sumber kewangan dan pembiayaan selain daripada institusi perbankan dan kewangan.

- 3.3. Ini ditambah pula dengan kemunculan Revolusi Industri 4.0 yang mengeksploitasikan kemudahan teknologi digital terkini dengan kemudahan di hujung jari dan segala urusanniaga dalam talian menggunakan sistem komputer dan telefon pintar serta keupayaan jalur lebar yang tinggi. Bagi membolehkan pemberian pinjaman wang dalam talian dibuat, Akta 400 sedia ada hendaklah dibaca bersama dengan Akta Setem 1949 [Akta 378], Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562], Akta Perdagangan Elektronik 2006 [Akta 658], Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 [Akta 680], dan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 [Akta 709].
- 3.4. Justeru, Garis Panduan ini diwujudkan sebagai salah satu medium kawalan pelaksanaan dan pemantauan terhadap industri Pemberi Pinjam Wang berlesen terutama yang mengeksploitasi secara langsung kemudahan perniagaan secara elektronik termasuk *financial technology* (fintech) selain dijadikan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak yang berkepentingan yang terlibat secara langsung ataupun tidak dalam industri ini.

#### **4. Undang-Undang dan Akta berkaitan**

- 4.1. Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan perundangan dan dasar Kementerian seperti yang berikut:
- 4.1.1. Akta Setem 1949 [Akta 378];
  - 4.1.2. Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400];
  - 4.1.3. Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562];
  - 4.1.4. Akta Perdagangan Elektronik 2006 [Akta 658];
  - 4.1.5. Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007 [Akta 680];
  - 4.1.6. Akta Perlindungan Data Peribadi 2020 [Akta 709]; dan

- 4.1.7. undang-undang kecil, perundangan lain yang berkaitan, dasar Kerajaan, garis panduan, pekeliling dan peraturan yang diguna pakai dari semasa ke semasa.

## **BAHAGIAN II**

### **5. Peraturan Tetap Operasi Permohonan Urusniaga Dalam Talian**

#### **5.1. Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian**

##### **5.1.1. Pengesahan Peminjam**

Pemegang lesen PPW boleh menggunakan apa-apa platform digital atau elektronik sama ada portal, sistem, dan/atau aplikasi yang bersesuaian dalam mengesahkan identiti peminjam (*customer's profiling*) termasuk keperluan dokumen-dokumen dan maklumat yang berkaitan untuk diberikan dan disimpan secara dalam talian.

##### **5.1.2. Perjanjian Pemberian Pinjam Wang**

Perjanjian Pemberian Pinjaman Wang (Jadual J atau Jadual K) yang dipaparkan, diisi dan diserahkan kepada peminjam secara elektronik sama ada salinan lembut atau secara dalam talian mesti mematuhi kehendak Peraturan-Peraturan Pemberi Pinjam Wang (Kawalan dan Pelesenan) 2003 dan Akta Perdagangan Elektronik 2006.

##### **5.1.3. Tandatangan**

Perjanjian Pemberian Pinjaman sepertimana yang dinyatakan dalam para 5.1.2 boleh ditandatangani secara digital dan/atau menggunakan kaedah *Public Key Infrastructure* (PKI) seperti mana tertakluk di bawah Akta Perdagangan Elektronik 2006 atau Akta Tandatangan Digital 1997.

#### 5.1.4. **Pengakusaksian dan Penerangan**

Perjanjian Pemberian Pinjaman hendaklah dijelaskan dan diakusaksi selaras dengan seksyen 27(2) Akta 400 sekiranya orang itu menggunakan platform digital atau elektronik bagi tujuan dan kaedah seperti yang berikut:

- i. berinteraksi dengan peminjam untuk memberikan penjelasan dan menandatangani perjanjian secara digital;
- ii. memastikan bahawa bakal peminjam menunjukkan kefahaman yang jelas dan boleh serta bersedia menandatangani perjanjian pemberian pinjaman secara digital;
- iii. melalui kaedah penggunaan interaktif seperti *video call*, *live video*, *video chat*, atau panggilan audio video untuk berinteraksi dengan bakal peminjam bagi memenuhi kehendak di perenggan (ii); dan
- iv. menyemak atau memantau log transaksi di sistem pemegang lesen PPW yang menunjukkan bakal peminjam memahami perjanjian pemberian pinjaman seperti mana yang dilihat dalam pra rakaman audio/video atau terhadap persoalan yang dikemukakan dan bersedia untuk memberikan tandatangan secara digital.

#### 5.1.5. **Penyerahan Perjanjian Pemberian Pinjaman**

Perjanjian Pemberian Pinjaman boleh diserahkan kepada peminjam melalui digital/elektronik/dalam talian dengan membuat salinan yang boleh didapati oleh peminjam sama ada melalui paparan lihat atau melalui paparan muat turun. Sesalinan perjanjian ini perlulah diserahkan kepada peminjam dalam format

yang dienkripsi (*encrypted format*) dan tidak boleh diubahsuai (*tempered*).

5.1.6. **Setem**

Pemegang lesen PPW hendaklah mengambil tindakan bagi perkara-perkara berikut:

**Perjanjian yang disetem**

Bagi perjanjian pemberian pinjaman yang telah disetem, ia hendaklah diserahkan kepada peminjam secara digital/ elektronik/ dalam talian sebelum wang pinjaman didepositkan kepada peminjam, atau:

**Perjanjian yang belum di setem**

- i. bagi pemegang lesen PPW yang mendapat pengecualian daripada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951, sesalinan perjanjian pemberian pinjaman wang yang belum disetamkan hendaklah diserahkan kepada peminjam secara talian/elektronik sebelum wang pinjaman didepositkan kepada peminjam; dan
- ii. pemegang lesen PPW hendaklah memastikan perjanjian pemberian pinjaman wang disetamkan dalam tempoh masa tiga puluh (30) hari dari tarikh perjanjian pemberian pinjaman wang ditandatangani dan menyerahkan sesalinan perjanjian pemberian pinjaman wang yang telah disetamkan kepada peminjam melalui dalam talian/elektronik dalam tempoh masa tujuh hari.

**5.1.7. Transaksi Pemberian Pinjaman Hendaklah Dilaksanakan di Alamat Berdaftar**

Transaksi pemberian pinjaman yang dilakukan secara dalam talian menggunakan alamat elektronik yang berdaftar oleh pemegang lesen PPW dengan pembekal *Malaysia Network Information Center (MYNIC) Berhad* menggunakan (.my) domain boleh dianggap sebagai menjalankan transaksi di alamat berdaftar.

**5.1.8. Iklan**

Pemegang lesen PPW boleh menggunakan terma-terma atau imej yang difikirkan sesuai di dalam mana-mana pengiklanan dengan syarat telah mendapat kelulusan daripada KPKT.

**5.1.9. Tanggungjawab/ Kefahaman Peminjam**

Pemegang lesen PPW perlu memberikan penerangan yang jelas kepada bakal peminjam dan peminjam terhadap keselamatan penggunaan digital atau perkhidmatan elektronik yang ditawarkan untuk mengurangkan risiko pihak yang tidak bertanggungjawab mengambil kesempatan dalam menawarkan perkhidmatan yang salah di sisi undang-undang. Bila mana pemegang lesen PPW menyedari risiko yang dihadapi, suatu laporan rasmi perlu dikemukakan kepada Pendaftar PPW.

**5.2. Keperluan Pentadbiran**

Pemegang lesen PPW yang berhasrat menjalankan urusan dalam talian secara digital atau elektronik perlu memastikan langkah-langkah keselamatan siber yang mencukupi telah diambil bagi memastikan keselamatan data pelanggan secara digital terjamin termasuk mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan.

### 5.3. Keperluan Teknologi

Pemegang lesen PPW yang menjalankan urusan niaga dalam talian hendaklah mematuhi beberapa kriteria yang berkaitan dengan penggunaan teknologi seperti yang berikut:

#### 5.3.1. **Pembangunan Sistem**

Membangunkan kerangka (*framework*) teknologi, sistem pengurusan risiko dan memastikan keselamatan digital pemegang lesen PPW dan peminjam dilindungi. Ketersediaan sistem yang telah diuji perlu dilaksanakan sebelum pemegang lesen PPW boleh beroperasi.

#### 5.3.2. **Rangkaian, Pusat Data dan Sistem**

Memastikan pusat data mempunyai ketahanan, keselamatan, kapasiti dan ketersediaan dan rangkaian yang direka memenuhi keperluan operasi. Sistem-sistem kritikal perlu selamat, berkeupayaan dan tidak mempunyai kegagalan fungsi terhadap serangan atau ancaman digital bagi memastikan maklumat pelanggan dilindungi.

#### 5.3.3. **Kriptografi**

Menggunakan dan mematuhi standard kriptografi untuk melindungi maklumat sulit dan merangka polisi dan prosedur yang bersesuaian untuk dilaksanakan.

#### 5.3.4. **Perkhidmatan Pihak Ketiga**

Pemegang lesen PPW hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara yang berikut:

- i. Penggunaan pihak ketiga adalah tidak digalakkan memandangkan ia mungkin menjejaskan kepentingan pengguna/ peminjam terutamanya data peribadi; dan

- ii. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan untuk berbuat demikian, penggunaan perkhidmatan pihak ketiga dalam pembangunan sistem hendaklah mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.

#### 5.3.5. Kawalan Akses

Melaksanakan kawalan akses yang bersesuaian untuk identifikasi, pengesahan dan kelulusan pengguna sistem termasuk dokumen yang dimohon, penggunaan proses penamatan yang sesuai setelah pegawai pemegang lesen PPW tidak lagi bersama pemegang lesen PPW untuk terus dikawal dan dipantau oleh pegawai ganti.

#### 5.3.6. Keselamatan Informasi

Membangun dan melaksanakan kaedah pencegahan, siasatan dan tindak balas untuk meminimalkan pendedahan terhadap risiko siber, termasuk:

- i. anti virus, *anti malware* atau mana-mana kaedah yang bersesuaian untuk mengesan dan mengasingkan kod ancaman terhadap komponen penting;
- ii. panduan keselamatan yang diperketatkan untuk memastikan sistem kritikal mempunyai keselamatan sistem dipenuhi;
- iii. melaksanakan kawalan keselamatan perimeter pada bangunan untuk melindungi daripada rangkaian dan serangan aplikasi dan mengurangkan risiko atau ancaman;
- iv. pemantauan yang berterusan terhadap sebarang ancaman siber bagi memastikan pengesanan, tindak balas,

keputusan yang cepat dan tepat untuk memastikan ancaman siber diuruskan dengan proses pemulihan dapat dilaksanakan;

- v. ujian penembusan sistem dan rangkaian sedia ada yang berterusan untuk mengurangkan masalah;
- vi. melaksanakan proses pengurusan akses yang sesuai untuk membatasi hak akses dalaman atau luaran ke sistem dan data;
- vii. menguatkuasakan kawalan pengurusan akses jauh untuk akses pentadbiran dengan menggunakan pengesanan pelbagai faktor;
- viii. sekiranya berkenaan, memastikan kawalan keselamatan khusus untuk perlindungan maklumat;
- ix. memastikan jejak audit dan log yang mencukupi disimpan;
- x. memastikan semua maklumat penting disimpan dan dipelihara dengan secukupnya; dan
- xi. memastikan aplikasi berjalan pada versi sistem operasi yang selamat dan aplikasi ini tersedia di platform yang boleh dipercayai dan selamat.

#### **5.3.7. Kesenambungan Perniagaan dan Pemulihan Bencana**

Menetapkan perancangan yang mencukupi untuk memastikan kesinambungan perniagaan dan memungkinkan pemulihan bencana berkaitan penyediaan pinjaman wang secara digital atau elektronik dapat dilaksanakan.

#### 5.4 Kawalan Dan Penguatkuasaan

Semua pemegang lesen PPW perlu memberi kebenaran pada bila-bila masa kepada mana-mana Pegawai Pemeriksa dari KPKT untuk membuat pemeriksaan, pemantauan dan siasatan di dalam premis pemegang lesen PPW termasuk maklumat dan data yang disimpan secara elektronik.

### BAHAGIAN III

#### 6. Pelaksanaan

- 6.1. Pemegang lesen PPW sedia ada dan pemohon lesen baharu PPW yang berhasrat untuk menjalankan urusan secara dalam talian adalah diwajibkan untuk mematuhi Garis Panduan ini bagi memastikan urusan niaga yang dijalankan dikendalikan dengan teratur dan baik dan hendaklah mematuhi Akta dan Peraturan-Peraturan sedia ada yang sedang berkuatkuasa.
- 6.2. Dalam melaksanakan urusan dalam talian ini, pemegang lesen PPW hendaklah mematuhi perkara-perkara seperti yang berikut:
  - 6.2.1 tiada urusan pemberian pinjaman wang dalam talian boleh dijalankan sebelum alamat elektronik didaftarkan dalam lesen pemberi pinjaman wang dan ini hendaklah menjadi syarat tambahan lesen pemberi pinjaman wang yang sedia ada;
  - 6.2.2 bagi maksud pendaftaran alamat elektronik dalam lesen pemberi pinjaman wang bagi tujuan urusan dalam talian, dokumen-dokumen berikut hendaklah disediakan:

- i. salinan pendaftaran dengan MYNIC Berhad;
  - ii. mengemukakan pelan praktikal cadangan laman/ aplikasi teknologi yang digunakan;
  - iii. mengemukakan sijil keselamatan sistem (sijil digital dalam Perkara 8.(f) Lampiran 1(b); dan
  - iv. dokumen-dokumen lain yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar Pemberi Pinjam Wang (PPW) atau tertakluk kepada keperluan semasa.
- 6.3. Pemegang lesen PPW yang berhasrat untuk menjalankan urusan dalam talian ini hendaklah menyediakan mekanisme bagi mengenalpasti peminjam yang benar-benar layak untuk membuat pinjaman (*customers profiling*) bagi mengelakkan peminjam berisiko tinggi (*subprime borrowers*) yang akhirnya akan menyebabkan kadar *Non Performing Loan* (NPL) yang tinggi dan meningkatkan keberhutangan isi rumah.
- 6.4. Carta Alir Proses Pemberian Pinjaman Wang Dalam Talian (*Kredit Komuniti*) adalah seperti di **Lampiran 1 (a)**.
- 6.5. Ringkasan skop pemberian pinjaman dalam talian seperti di **Lampiran 1 (b)**.

## 7. Pemakaian

- 7.1 Garis Panduan ini terpakai kepada semua pegawai yang terlibat dengan urusan memproses permohonan urusan dalam talian PPW melalui pendaftaran alamat elektronik.

7.2 Garis Panduan ini terpakai kepada semua pemegang lesen PPW sedia ada dan yang berhasrat untuk terlibat dengan transaksi pemberian pinjaman wang dalam talian PPW; dan

7.3 Garis Panduan ini juga terpakai kepada pemohon lesen baharu PPW yang berhasrat untuk terlibat dengan transaksi pemberian pinjaman wang dalam talian PPW.

## 8. Tarikh Kuat Kuasa

8.1. Garis Panduan ini berkuat kuasa mulai **19 Ogos 2020.**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,




**(DATUK ZAINAL ABIDIN BIN ABU HASSAN)**

Pendaftar Pemberi Pinjam Wang

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**CARTA ALIR PROSES PEMBERIAN PINJAMAN WANG DALAM TALIAN  
(KREDIT KOMUNITI)**



LAMPIRAN 1 (b)

RINGKASAN SKOP PEMBERIAN PINJAMAN WANG DALAM TALIAN  
(KREDIT KOMUNITI)

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
1.	Perjanjian Pemberian Pinjaman Wang	<p>a) Pemegang lesen PPW dikehendaki menyimpan salinan asal perjanjian pemberian pinjaman wang dan akaun setiap pinjaman dalam buku kekal (<i>permanent book</i>) yang dijilid bagi memastikan penyisihan (<i>elimination</i>), penyisipan (<i>interpolation</i>) atau penggantian (<i>substitution</i>) muka surat dan seterusnya pengubahan akaun tidak berlaku seperti mana diperuntukkan dalam seksyen 18 Akta 400;</p> <p>b) Pemegang lesen PPW dikehendaki menyimpan dokumen perjanjian dan akaun di pelayan (<i>server</i>) dalam premis yang didaftarkan dengan KPKT dalam bentuk <i>Portable Document Format</i> (PDF) dan diinskripsikan supaya tidak memudahkan pembuangan, penyisipan atau penggantian muka surat. Peminjam hendaklah diberi capaian terhadap dokumen perjanjian dan akaun tersebut;</p> <p>c) Tiada perjanjian pemberian pinjaman wang boleh dikuatkuasakan melainkan perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh semua pihak untuk perjanjian itu dan satu salinan perjanjian itu yang telah disetemkan dihantar kepada peminjam melalui emel/ portal/aplikasi oleh pemegang lesen sebelum wang itu dipinjamkan. Wang hendaklah diserahkan kepada peminjam melalui pemindahan wang secara elektronik <i>Electronic Fund Transfer</i> (EFT) melalui bank atau institusi kewangan yang didaftarkan dengan Bank Negara Malaysia (BNM) dan dijadikan sebagai syarat lesen;</p>

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
		<p>d) Kaedah yang digunakan bagi memastikan perjanjian tersebut ditandatangani adalah melalui tandatangan digital. Penggunaan tandatangan digital ini adalah diiktiraf dengan adanya pemerakuan yang selaras dengan Akta Tandatangan Digital 1997;</p> <p>e) Proses penyeteman terhadap perjanjian pemberian pinjaman wang hendaklah dilakukan mengikut kaedah yang ditetapkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);</p> <p>f) Peminjam boleh membuat bayaran balik pinjaman kepada PPW berlesen melalui pemindahan wang secara EFT. Resit bayaran balik hendaklah dikeluarkan oleh pemegang lesen PPW kepada peminjam melalui portal/aplikasi pemegang lesen PPW. Peminjam hendaklah diberi capaian terhadap resit bayaran balik tersebut;</p> <p>g) Perjanjian pinjaman wang yang ditandatangani mestilah dalam borang yang ditetapkan oleh Akta 400 iaitu dalam Jadual J dan Jadual K. Oleh itu, pemegang lesen PPW hendaklah menyediakan format perjanjian dalam portal/aplikasi pemberian pinjaman wang seperti mana jadual-jadual tersebut; dan</p> <p>h) Jika terdapat apa-apa pengecualian, perubahan, penambahan atau pengurangan kepada mana-mana klausa dalam Jadual J atau K tersebut, ia mestilah dibuat dengan kebenaran Pendaftar.</p>

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
2.	Duti setem	<p>a) Perjanjian pemberian pinjaman wang hendaklah disetemkan selepas perjanjian ditandatangani dan sebelum wang diserahkan kepada peminjam. Dalam hal ini, prosedur kerja di bawah LHDN perlu dipatuhi khususnya yang melibatkan e-stamping yang menggunakan Stamps Assessment and Payment System (STAMPS);</p> <p>b) Tertakluk kepada pengecualian daripada Menteri KPKT diperolehi daripada Menteri KPKT di bawah <b>seksyen 2A(2)</b>, pemegang lesen PPW boleh menjalankan transaksi pemberian pinjaman bagi membolehkan penyerahan wang pinjaman diberikan sebelum perjanjian disetemkan tertakluk kepada perjanjian ditandatangani dan diakusaksi dan mematuhi seksyen 27 Akta 400. Pemegang lesen PPW hendaklah mengambil tindakan bagi perkara-perkara yang berikut:</p> <p><b>Perjanjian yang disetem</b></p> <p>Bagi perjanjian pemberian pinjaman yang telah disetem, ia hendaklah diserahkan kepada peminjam melalui dalam talian/elektronik sebelum wang pinjaman didepositkan kepada peminjam, atau;</p> <p><b>Perjanjian yang belum di setem</b></p> <p>Bagi PPW yang mendapat pengecualian daripada Menteri KPKT, sesalinan perjanjian pemberian pinjaman wang yang belum disetemkan hendaklah diserahkan kepada peminjam melalui transaksi dalam talian/elektronik sebelum wang pinjaman didepositkan kepada peminjam; dan</p> <p>Pemegang lesen PPW hendaklah memastikan perjanjian pemberian pinjaman wang disetemkan dalam tempoh 30</p>

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
		<p>hari dari tarikh perjanjian pemberian pinjaman wang ditandatangani dan menyerahkan sesalinan perjanjian pemberian pinjaman wang yang telah disetemkan kepada peminjam melalui dalam talian/elektronik dalam tempoh masa tujuh hari.</p>
3.	Alamat Berdaftar	<p>a) Pemohon lesen baharu PPW perlu mengemukakan maklumat e-info Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini semasa permohonan dibuat;</p> <p>b) Pemohon juga hendaklah mengemukakan alamat statik <i>Internet Protocol</i> (IP) yang berdaftar dengan telco di Malaysia, <i>Uniform Resource Locator</i> (URL) pemegang lesen PPW yang berdaftar dengan <i>Malaysia Network Information Center</i> (MYNIC) Berhad kepada Pendaftar PPW bagi memenuhi kehendak peraturan ini;</p> <p>c) Pendaftar PPW hendaklah meletakkan syarat dalam lesen yang dikeluarkan kepada PPW supaya pelayan (<i>server</i>) yang digunakan untuk pengoperasian transaksi pemberian pinjaman wang secara dalam talian itu ditempatkan di alamat Perniagaan yang didaftarkan dengan Pendaftar PPW;</p> <p>d) Pendaftar boleh meletakkan syarat-syarat tertentu di dalam lesen yang difikirkan sesuai dan pada bila-bila masa semasa tempoh laku sesuatu lesen itu, menambah, membatalkan atau mengubah mana-mana syarat itu;</p> <p>e) Alamat statik IP hendaklah dinyatakan bersekali dengan alamat perniagaan pemegang lesen PPW sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Jadual B; dan</p>

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
		f) Lesen PPW hendaklah dipamerkan di premis alamat perniagaan dan portal/aplikasi pemegang lesen PPW sebagai syarat tambahan lesen.
4.	Iklan	<p>Apa-apa iklan yang dibuat oleh mana-mana pemberi pinjam wang hendaklah mengandungi butir-butir yang berikut:</p> <p>a) nombor lesen pemberi pinjam wang dan tarikh kesahannya; nombor permit iklan;</p> <p>b) nama, alamat dan nombor telefon pemberi pinjam wang berlesen; dan</p> <p>c) kadar faedah yang ditawarkan.</p>
5.	Penguatkuasaan	<p>a) Seorang Pegawai Pemeriksa atau seorang pegawai polis kanan adalah diberi kuasa untuk memasuki premis perniagaan PPW bagi tujuan penguatkuasaan; dan</p> <p>b) Pegawai Pemeriksa atau seorang pegawai polis kanan adalah diberi akses kepada data komputer semasa menjalankan penggeledahan.</p>
6.	Pengakusaksian	a) Pengakusaksian hanya boleh dilaksanakan oleh pegawai yang diberikan kuasa seperti peguam bela dan peguam cara memandangkan banyak firma guaman pada masa kini yang membuat pengakusaksian secara digital, pegawai Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Pesuruhjaya Sumpah, Pegawai Daerah, Jaksa Pendamai atau orang-orang yang dilantik oleh Menteri;

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
		<p>b) Bagi transaksi dalam talian pengakusaksian dilakukan secara digital dengan nama pengakusaksian dimaklumkan kepada Kementerian;</p> <p>c) Setiap perjanjian pemberian pinjaman wang diaku saksi (<i>attested</i>) oleh pihak-pihak yang berkenaan. Oleh itu, penerangan yang dibuat oleh pengakusaksi hendaklah dibuat secara panggilan video bersemuka (<i>face-to-face video call</i>) dan direkod; dan</p> <p>d) Pengakusaksian hendaklah dilakukan secara video conference secara langsung (<i>live</i>) atau secara <i>offline</i> (<i>pre-recording</i>). Sekiranya peminjam memahami penjelasan oleh pengakusaksi, peminjam hendaklah mengesahkan bahawa dia memahami penjelasan dan tiada persoalan lanjutan.</p>
7.	Pembuktian dalam prosiding Mahkamah	<p>a) Data-data yang ada dalam pelayan (<i>server</i>) adalah penting dalam prosiding mahkamah bagi membuktikan sesuatu kes. Oleh yang demikian apa sahaja data yang berkaitan dengan pemberian pinjaman wang hendaklah dipelihara dengan sebaik-baiknya; dan</p> <p>b) Pemegang lesen PPW hendaklah menyimpan data-data seperti perjanjian pemberian pinjaman wang dan akaun pinjaman mengikut tempoh yang ditetapkan.</p>
8.	Keselamatan Perjanjian Pemberian Pinjaman	<p>a) Pemegang lesen PPW hendaklah melakukan penilaian risiko bagi mengenal pasti tahap risiko yang berkaitan dengan keselamatan Sistem Urusniaga Dalam Talian PPW dan memahami tanggungjawab serta setiap peranan bagi semua pihak yang terlibat;</p>

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
		<p>b) Pemegang lesen PPW hendaklah sentiasa menjalankan pengujian fungsi dan pengujian prestasi (<i>functional test and performance test</i>) ke atas sistem urusniaga pemberian pinjam wang dalam talian bagi memastikan keberkesanan sistem tersebut;</p> <p>c) Pemegang lesen PPW hendaklah memastikan <i>Security Posture Assessment (SPA)</i> dilaksanakan ke atas sistem urusniaga pemberian pinjam wang dalam talian merangkumi keseluruhan infrastruktur sebagai langkah pencegahan bagi mengurangkan risiko pencerobohan data/maklumat dan untuk memperbaiki keadaan keselamatan sistem secara keseluruhan;</p> <p>d) Pemegang lesen PPW hendaklah menyediakan dan menetapkan kawalan capaian ke atas aset, proses, maklumat dan rangkaian yang berkaitan sistem urusniaga pemberian pinjam wang dalam talian mengikut keperluan keselamatan bagi memastikan pelaksanaan transaksi secara dalam talian adalah selamat;</p> <p>e) Pemegang lesen PPW hendaklah menggunakan sekurang-kurangnya kaedah pengesahan dua faktor (<i>two-factor authentication</i>) yang menyediakan dua tahap pemeriksaan untuk mengenal pasti dan mengesahkan pengguna sistem yang sebenar;</p> <p>f) Pemegang lesen PPW hendaklah menggunakan sijil digital yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Pemerakuan Berlesen (<i>Licensed Certification Authority - CA</i>) yang diiktiraf oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bagi tujuan tandatangan digital selaras</p>

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
		<p>dengan ketetapan di bawah Akta Tandatangan Digital 1997 [Akta 562];</p> <p>g) Pemegang lesen PPW hendaklah melaksanakan audit keselamatan maklumat seperti Audit Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (<i>Information Security Management System (ISMS)</i>) ke atas sistem urusniaga pemberian pinjam wang dalam talian bagi memastikan tahap keselamatan digital dapat dipatuhi dan dijamin berkesan ketika dilaksanakan kelak; dan</p> <p>h) Pemegang lesen PPW hendaklah mematuhi aspek kerahsiaan dan keselamatan yang komprehensif supaya risiko keselamatan dapat diminimumkan di samping memastikan keupayaan <i>interoperability</i>, <i>scalability</i> dan <i>sustainability</i> dalam pelaksanaan keselamatan bagi sistem tersebut.</p>
9.	<p><b>Perlindungan Data Peribadi</b></p>	<p>a) Keselamatan data dan maklumat peribadi serta kewangan peminjam adalah perkara yang amat kritikal apabila mengendalikan transaksi yang melibatkan pemberian pinjaman wang secara dalam talian. Kerahsiaan data dan maklumat peribadi peminjam adalah satu unsur penting bagi menjamin kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap sistem yang akan disediakan;</p> <p>b) Penyedia perkhidmatan, iaitu pemegang lesen PPW hendaklah memastikan agar pemprosesan data peribadi individu yang terlibat dalam sistem urusniaga pemberian pinjam wang dalam talian PPW dilaksanakan dengan teratur dan digunakan dengan cara yang penuh integriti, selamat dan tidak disalahgunakan;</p>

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
		<p>c) Semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan ekosistem urusniaga dalam talian ini juga perlu mematuhi undang-undang perlindungan data peribadi bagi mengelakkan penyalahgunaan data peribadi pengguna; dan</p> <p>d) Terdapat tujuh (7) Prinsip Perlindungan Data Peribadi yang wajib dipatuhi bagi tujuan menjaga keutuhan data peribadi iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. <b>Prinsip Am</b>, di mana seseorang pengguna tidak dibenarkan memproses data peribadi seseorang yang lain tanpa kebenarannya. Pengertian proses di sini harus dimengertikan sebagai mengendalikan data melalui cara atau kaedah automatik atau pengkomputeran atau apa-apa proses lain. <b>Pengguna data (pemegang lesen PPW) tidak boleh memproses data peribadi TANPA persetujuan subjek data (individu);</b></li> <li>ii. <b>Prinsip Notis dan Pilihan</b>, di mana maklumat dan tujuan awalan dimaklumkan kepada subjek data berkenaan. <b>Pengguna data hendaklah memaklumkan kepada data subjek mengenai tujuan data peribadinya diproses; hak untuk mengakses data peribadi; penzahiran kepada pihak ketiga; dan pilihan sama ada wajib atau tidak untuk memberikan data peribadi serta akibat sekiranya gagal memberikan data peribadi;</b></li> <li>iii. <b>Prinsip Penzahiran</b>, di mana tujuan data peribadi seseorang subjek itu demi mengenal pasti maksud yang baginya data peribadi itu hendak dizahirkan. <b>Tiada data peribadi boleh dizahirkan kepada mana-mana pihak tanpa persetujuan subjek data;</b></li> </ul>

Bil.	Perkara	Rujukan Seksyen / Peraturan Akta 400
		<p>iv. <b>Prinsip Keselamatan</b>, di mana apabila memproses data peribadi mana-mana subjek, mengambil langkah supaya data tersebut selamat, tidak diubahsuai, disalahguna atau diberikan kepada pihak-pihak yang tidak berkenaan. <b>Pengguna data hendaklah mengambil langkah-langkah yang praktikal untuk melindungi data peribadi daripada hilang, salah guna, akses yang tidak dibenarkan atau tidak disengajakan dan sebagainya;</b></p> <p>v. <b>Prinsip Penyimpanan</b>, di mana sesuatu data peribadi itu tidak dibenarkan disimpan di dalam sesuatu pemrosesan lebih daripada had masa yang diperlukan. <b>Data peribadi tidak boleh disimpan lebih lama dari tempoh yang diperlukan dan perlu dimusnahkan atau dipadam secara kekal jika tidak lagi diproses;</b></p> <p>vi. <b>Prinsip Integriti Data</b>, di mana setiap data peribadi dipastikan supaya tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini menepati maksud sesuatu data itu disimpan dan diproses. <b>Pengguna data perlu mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini; dan</b></p> <p>vii. <b>Prinsip Akses</b>, di mana seseorang hendaklah diberi hak akses kepada data peribadinya yang dipegang oleh seseorang pengguna data dan juga boleh membetulkan datanya itu supaya terkini. <b>Subjek data hendaklah diberi akses kepada data peribadinya yang dipegang oleh pengguna data dan boleh membetulkan jika data peribadi itu tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan dan tidak terkini.</b></p>

## HUBUNGI KAMI

### **BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI (BKKK)**

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

 Aras 22, No. 51, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 W.P. Putrajaya.

 03-8891 4667

 03-8891 3186

 [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my)

Aduan: <https://aduan.kpkt.gov.my>